

Had ketetapan fatwa kepada individu kekang kuasa pihak berkuasa agama

Oleh Dr Noor Fariah Mohd Noor
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
di Pusat Pengajian
Antarabangsa,
Kerajaan &
Undang-Undang
(COLGIS), UUM

Keputusan terkini Mahkamah Persekutuan membatalkan sebahagian daripada fatwa Selangor terhadap Sisters in Islam (SIS) Forum Malaysia (SIS Forum) dilihat mendatangkan kesan kepada kedudukan kuasa keagamaan dan kuasa institusi fatwa dalam kerangka Perlembagaan.

Fatwa dikeluarkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada 2014 dengan tepat mengisytiharkan SIS Forum dan mana-mana pihak menyebarkan fahaman liberalisme serta pluralisme agama sebagai sesat daripada ajaran Islam, satu pendirian kukuh bersandarkan fiqh Islam dan selaras kewajipan pihak berkuasa agama memelihara akidah umat Islam.

Perlu ditegaskan kandungan fatwa itu khususnya pengisytiharan liberalisme dan pluralisme agama adalah fahaman sesat daripada Islam, tidak pernah dicabar dari sudut teologi atau akidah.

Malah, Mahkamah Persekutuan mengakui kandungan agama dalam fatwa itu berada di bawah bidang kuasa eksklusif pihak berkuasa agama Islam, bukan mahkamah sivil. Justeru, perisytiharan ideologi SIS bertentangan dengan Islam tetap sah dan berasas.

Namun begitu, Mahkamah Persekutuan hanya menilai aspek teknikal dari sudut Perlembagaan semata-mata dan menyimpulkan syarikat tidak boleh tertakluk kepada fatwa kerana dianggap sebagai 'entiti ciptaan'.

Pandangan ini boleh dipersoalkan, terutama dalam kes ini kerana SIS Forum bukan entiti perniagaan bebas, tetapi satu platform aktif secara sengaja membawa fahaman salah dan mengelirukan serta mengahakis asas ajaran Islam.

Pandangan minoriti dikemukakan Hakim Datuk Abu Bakar Jais lebih boleh diterima apabila beliau menyatakan syarikat boleh dan sepatutnya tertakluk kepada fatwa agama, khususnya apabila aktiviti mereka jelas bercanggah dengan nilai Islam dan memberi kesan langsung terhadap akidah umat serta menjejaskan keharmonian masyarakat.

Keputusan Mahkamah Persekutuan mengehendkan pelaksanaan fatwa hanya kepada individu menimbulkan persoalan penting mengenai peranan dan keberkesanan institusi fatwa menangani isu semasa, terutama apabila fahaman atau ideologi tertentu disebarkan melalui organisasi berdaftar seperti pertubuhan atau syarikat didukung ahli-ahlinya.

Dalam konteks sedemikian, pengendalian skop fatwa hanya kepada individu boleh mengekang keupayaan pihak berkuasa agama untuk bertindak secara menyeluruh dan berkesan.

Keadaan ini turut berisiko membuka ruang kepada penyebaran fahaman yang berpotensi bercanggah dengan ajaran Islam melalui entiti kolektif seperti pertubuhan atau syarikat.

Pengecualian organisasi daripada skop fatwa berpotensi mewujudkan ruang boleh dimanfaatkan pihak tertentu untuk menyebarkan fahaman tidak selari dengan ajaran Islam melalui saluran kolektif.

Situasi ini boleh memberi kesan terhadap keupayaan institusi agama menjalankan tanggungjawab memelihara akidah umat Islam secara menyeluruh, sama ada peringkat individu mahupun organisasi.

Lebih membimbangkan, pembatalan fatwa terhadap arahan kepada agensi Persekutuan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk membendung penyebaran fahaman sesat di media digital melemahkan usaha melindungi umat Islam daripada ajaran menyesatkan.

Liberalisme dan pluralisme agama secara langsung bertentangan dengan asas akidah Islam dan usaha membanterasnya bukan sahaja dibenarkan, malah wajib dilaksanakan demi menjaga kemurnian agama.

Pengisytiharan 'sesat' adalah wajar

Walaupun Mahkamah Persekutuan hanya menumpukan isu bidang kuasa, kedudukan teologi dan prinsip fatwa itu kekal utuh dan tepat. Agenda liberal dan pluralistik dibawa SIS masih bertentangan ajaran Islam. Oleh itu, pengisytiharan 'sesat' adalah wajar dan sah dari segi syarak.

Kita lebih menyokong pandangan minoriti dalam keputusan ini yang difikirkan membawa pendirian lebih betul, iaitu isu ini tergolong dalam bidang kuasa hukum Islam dan hanya boleh ditentukan mahkamah syariah yang arif dengan perincian doktrin dan prinsip Islam, bukan mahkamah sivil yang asing daripada konteks berkenaan.

Dalam sistem perundangan Malaysia mengamalkan dwi-bidang kuasa, undang-undang sivil dan undang-undang Syariah mempunyai bidang kuasa tersendiri ditetapkan Perlembagaan.

Hukum agama, khususnya berkaitan dengan akidah, ibadah dan syariat Islam, berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan ditadbir enakmen negeri serta pihak berkuasa agama seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jawatankuasa Fatwa.

Oleh itu, penerapan prinsip undang-undang sivil dalam membuat keputusan babitkan hukum agama boleh menjejaskan prinsip asas pemisahan bidang kuasa ini. Ia juga berisiko menggugat kuasa institusi agama dalam mentafsir dan menguatkuasakan ajaran Islam sebagaimana diperuntukkan dalam undang-undang negeri dan peruntukan Artikel 121(1A) Perlembagaan.

Menjaga hukum agama adalah penting bagi memastikan kesucian Islam terus terpelihara dan martabat institusi agama tidak dikompromi. Amat malang apabila tafsiran teknikal Perlembagaan digunakan untuk melindungi SIS Forum daripada dikenakan tindakan fatwa secara sewajarnya.

Namun, dari sudut pandangan syariah, ideologi dibawa SIS tetap menyeleweng dan Muslimin bertanggungjawab berwaspada serta tidak terpengaruh dengan dakwah mereka.

Keputusan ini bukanlah 'membenarkan' ideologi atau doktrin terhadap SIS yang bersifat teknikal dan sementara. Hakikat Islam kekal jelas, iaitu liberalisme dan pluralisme agama adalah unsur asing dalam Islam. Sesiapa menyebarkannya wajib bertaubat serta kembali kepada ajaran Islam sebenar.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH